

TAHUN 10 BILANGAN 32 RABU 17 NOVEMBER, 1965. 1385 رجب 24 PERCHUMA

D.Y.M.M. Mengurniakan Bintang2 Kebesaran Kapada Ahli2 Tentera British

SERIA.—Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengurniakan bintang kebesaran negara kapada lapan orang ahli tentera British dalam satu upacara di-Istana Kota Manggalela Setia pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia — Darjah Kedua (D.P.M.B.) telah di-kurniakan kapada Lieutenant Colonel A.S.

Harvey, Pengarah Battalion Kedua Pasokan Queen Elizabeth's Gurkha Rifles, dan Lieutenant Colonel B.F. Rooney, Pengarah Battalion Kedua Pasokan Duke of Edinburgh's Gurkha Rifles.

Major Tekbahadur Subba dan Major C.O. Fisher, kedua2-nya dari Battalion Kedua Pasokan

Queen Elizabeth's Gurkha Rifles telah di-kurniakan S.N.B. Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — Darjah Ketiga.

Lieutenant Magbahadur Chetri pula telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (S.M.B.) — Darjah Ketiga, sementara Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — Darjah ke-empat (P.S.B.) di-kur-

niakan kapada Warrant Officer Class II Deobahadur Ale.

Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin (P.O.A.S.) — Yang Pertama telah di-kurniakan kapada Corporal Premsing Thapa, Gurkha Signals, dan Lance Corporal Abel GA, Royal Signals telah di-kurniakan Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin — Yang Kedua.

Yang hadir di-majlis menyampaikan bintang2 kebesaran itu termasuk-lah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Awang F.D. Webber.

Pengiran2 Di-Seluruh Negara Mera'ikan Pengantin Diraja

BANDAR BRUNEI. — Pengiran2 di-seluruh Negeri Brunei telah mengadakan satu Majlis Jamuan Teh di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 14 November, 1965 kerana mengucapkan kesukoran dan selamat sempurna Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Sa-bagai tanda kenangan atas Perkahwinan Diraja itu, Pengiran2 di-seluruh negeri ini telah menyebarkan chenderamata2 kapada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan kapada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-majlis tersebut.

Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar telah memberikan ucapan bagi pehak Pengerusi majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Sapiuddin.

Dalam ucapan-nya, beliau telah mengucapkan tahniah atas Perkahwinan Diraja itu serta berdo'a sa-moga tohan akan

mengkabulkan chita2 dan hasrat kedua2 Pengantin Diraja itu yang akan berangkat keluar negeri tidak berapa lama lagi untuk melanjutkan pelajaran.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman, ketika membalas ucapan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Sapiuddin, telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih atas kesudian Pengiran2 di-seluruh negeri ini mengadakan majlis jamuan tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman juga, bagi pehak Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, telah mengucapkan terima kasih atas kesudian Pengiran2 di-seluruh negeri ini menghadihkan chenderamata2 kapada Pengantin2 Diraja itu.

Di-antara ramai hadhirin di-majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jeffri Bolkiyah; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, pembesar2 negara dan lain2-nya.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Mohamed Yusof.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei kapada sa-orang Pegawai Gurkha di-Istana Kota Manggalela, Setia pada hari Sabtu yang lalu.

D.Y.M.M. Melawat Kem A.M.D.B.

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengadakan lawatan rasmi sa-lama kira2 4 jam ka-Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei pada pagi 16 November, 1965 (kelemin).

Bertitah kapada kira2 400 orang perajurit dan pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menegaskan bahawa baginda sendiri mempunyai kechenderongan dalam hal kebajikan pasokan itu dan baginda merasa sukachita akan kemajuan-nya.

Titah baginda, sa-bagai tanggungjawab pasokan itu yang kian bertambah bagi keamanan dan keselamatan negeri, maka beberapa peralatan dan jentera2 untuk di-gunakan oleh pasokan itu akan di-tambah, termasuk helikopter2 dan sa-buah pesawat 'hovercraft'.

Di-samping itu, baginda juga menegaskan bahawa pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan bertanggung-jawab bagi tiga buah kapal peronda yang akan di-gunakan oleh pasokan tersebut untuk keselamatan negeri ini.

(Lihat Muka 8)

Pengiran2 di-seluruh Negeri Brunei telah menyebarkan chenderamata2 sa-bagai tanda kenangan atas Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-Dewan Kemasharakatan pada petang hari Ahad yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Dayangku Basimah, ia-itu anakanda Pengiran Abas bin Pengiran Haji Besar menyebarkan chenderamata tersebut kapada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.



PERLAWANAN TAREK KALAT:

JOHAN--PASOKAN ISTANA DARUL HANA NAIB JOHAN--PASOKAN PENDUDOK² TUTONG

TUTONG. — Pasokan Istana Darul Hana telah berjaya memenangi gelaran Johan dalam Perlawanan Tarek Kalat yang telah diadakan oleh penduduk² Daerah Tutong sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Perlawanan Tarek Kalat itu telah di-adakan di-Padang Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Khamis 11 November, 1965.

Pasokan Istana Darul Hana telah di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Pasokan Penduduk² Daerah Tutong telah di-ketuai oleh Awang Haji Ghazali bin Umar.

Itu-lah kali yang ketiga Pasokan Istana Darul Hana bertemu dengan Pasokan Penduduk² Daerah Tutong.

Pasokan Istana Darul Hana telah mengalahkan Pasokan Penduduk² Daerah Tutong dalam pusingan pertama dengan mengambil masa selama 26 minit.

Kemudian Pasokan Penduduk² Daerah Tutong pula telah mengalahkan Pasokan Istana Darul Hana dalam satu perlawanan yang hebat dengan mengambil masa selama 1 jam, 13 minit, iaitu masa yang habis lama sekali dalam satu pusingan perlawanan tarek kalat yang biasa di-adakan di-Negeri Brunei.

Perlawanan² tersebut telah di-langsungkan di-Padang Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Khamis 4 November dan di-teruskan hingga ka-sabelah malam-nya.

Untuk menentukan kemenangan, pasokan² tersebut telah bertemu sa-kali lagi, iaitu pada petang hari Khamis yang lalu.

Dalam perlawanan tersebut, Pasokan Istana Darul Hana telah berjaya mengalahkan Pasokan Penduduk² Daerah Tutong dengan mengambil masa hanya selama 34 sa'at sahaja.

Pada sa'at kemenangan Pasokan Istana Darul Hana dalam perlawanan Tarek Kalat itu, ramai penyokong² pasokan tersebut telah bersorak sambil berjabat tangan sa-bagai mengucapkan tahniah kepada peserta² pasokan itu.

Tiga pasokan telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarek Kalat tersebut.

Pasokan² itu ia-lah Pasokan Istana Darul Hana, Pasokan Penduduk² Daerah Tutong dan Pasokan Pejabat² Kerajaan Tutong.

Keputusan perlawanan² yang telah di-langsungkan pada 4 November, 1965 ada-lah seperti berikut:

Pasokan Penduduk² Daerah Tutong mengalahkan Pasokan Pejabat² Kerajaan Tutong.

Pasokan Istana Darul Hana telah seri dengan Pasokan Penduduk² Daerah Tutong.

Maka dengan selesai-nya perlawanan yang telah di-langsung-

kan pada petang 11 November, 1965 keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Johan — Pasokan Istana Darul Hana.

Naib Johan — Pasokan Penduduk² Daerah Tutong.

Pemenang Ketiga — Pasokan Pejabat² Kerajaan Tutong.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menyumbangkan hadiah Piala² Perak Kemenangan dibawah Duli Yang Maha Mulia Maulana

Al-Sultan dan juga beliau telah menyampaikan hadiah² piala perak kepada peserta² pasokan² yang menjadi johan dan Naib Johan dalam perlawanan tarek kalat itu.

Kemudian peserta² Pasokan Penduduk² Daerah Tutong, dengan di-ketuai oleh Awang Haji Ghazali bin Umar telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-lepas itu Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan para jemputan telah di-ra'ikan di-satu majlis jamuan teh di-tempat kediaman Pegawai Daerah Tutong.



Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong telah di-adakan pada hari Sabtu 6 November yang lalu dan berita-nya telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 10 November, 1965. Dalam gambar ini kelihatan peserta² yang menjadi Johan dan Naib Johan, Bahagian² Lelaki dan Perempuan dalam peraduan tersebut, iaitu: Johan Lelaki — Awang Ahmad bin Tengah, Naib Johan Lelaki — Awang Damit bin Ali Hassan. Johan Perempuan — Dayangku Saleha binti Pengiran Abdul Rahman dan Naib Johan Perempuan — Dayang Aisah binti Hassan. Mereka akan mewakili Daerah Temburong dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei dalam bulan hadapan.

★ Peraduan Menulis Sajak Asterawani

BANDAR BRUNEI. — Penulis² Sajak yang tinggal di-Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Menulis Sajak.

Peraduan tersebut di-adakan dibawah anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei dan akan di-tutup pada penghujung tahun ini.

Thema, tajok dan panjang Sajak itu ada-lah di-bebasikan dan mestilah di-taip atau di-tulis pada sa-belah muka kertas sahaja.

Tiap² Sajak itu mestilah di-hantar dengan tiga salinan untuk di-pertandingan.

Keputusan Pilehan Raya Pengkalan Batu

PENGKALAN BATU.—Awang Silim bin Awang Sapar telah menang dalam pilehan raya kecil bagi kawasan Pengkalan Batu yang telah di-adakan pada hari Sabtu yang lalu.

Awang Silim telah mengalahkan lawan-nya, Awang Haji Bakar bin Hashim, sa-orang saudagar, sa-banyak 95 undi, apabila pengiraan undi di-langsungkan di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu lewat petang hari tersebut.

Sa-ramai 453 orang telah membuang undi dalam pilehan raya kecil itu kerana menentukan wakil mereka dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara.

Awang Silim akan menggantikan Awang Haji Baha bin Haji Kamis yang meletakkan jawatan-nya dari majlis itu.

Keputusan penuh ada-lah seperti berikut:

Awang Silim 273 undi, Awang Haji Bakar 178 undi, kelebihan undi 95, dan dua undi rosak.

Ini ia-lah pilehan raya kecil yang kedua bagi Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara yang telah di-adakan sejak majlis itu di-tubuhkan pada awal tahun ini, sa-telah pilehan raya di-adakan.

Pilehan raya kecil yang pertama bagi kawasan Pekan Brunei telah di-adakan dalam bulan lepas.

Dalam pilehan raya kecil ini, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah menang untuk mewakili kawasan Pekan Brunei.

PERADUAN CHERPEN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Asterawani Brunei akan mengadakan peraduan menulis cerita pendek bagi tahun ke-empat.

Peraduan chermen itu di-mulakan sekarang dan akan di-tutup pada 31 Disember, 1965.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka

kapada semua penduduk Negeri Brunei sahaja.

Tajok chermen ada-lah di-bebasikan dan panjang-nya antara 1,200 perkataan hingga 2,000 perkataan dan mestilah di-taip atau di-tulis tangan di-sabelah muka sahaja dengan menggunakan jarak dua baris.

Tiap² penulis boleh menggunakan nama samaran (jika ada) disamping nama sa-benar dan alamat pada kertas yang berasingan dari kertas yang akan di-tandingkan.

Para hakim akan di-pilih sendiri oleh Persatuan Asterawani dan keputusan peraduan ini akan di-umumkan pada awal tahun hadapan. Keputusan hakim ada-lah muktamad.

Tiga buah chermen yang terbaik akan di-beri hadiah khas dan satu lagi chermen yang baik akan di-beri hadiah sagu hati.

Semua chermen yang di-terima ada-lah menjadi milik Persatuan Asterawani.

Semua chermen yang terlewat di-terima daripada tarikh yang di-tetapkan itu tidak-lah akan di-layani dan mestilah di-alamatkan kepada Setia Usaha Agong, Persatuan Asterawani, Peti Surat 434, Brunei.

Sambutan Isra' Me'raj Di-Belait dan Seria

KUALA BELAIT. — Satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj, di-bawah anjoran Penuntut² Kelas² Dewasa Agama, Kuala Belait akan di-adakan di-Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait pada malam esok.

Beberapa orang pensharah dari Badan Penerangan Agama Islam, Brunei akan hadir di-majlis tersebut untuk melafadzkan sha-

rahan berkenaan dengan Isra' dan Me'raj.

Sementara itu satu lagi majlis sambutan Isra' dan Me'raj akan di-langsungkan di-Masjid Seria pada malam Ithnin hadapan iaitu sa-lepas sembahyang 'Isha.

Majlis tersebut akan di-adakan di-bawah anjoran Penuntut² Kelas² Dewasa Agama di-Seria.

Chara Mendekati Pengkajian Sastera Lama

Ada beberapa sebab tajok che-ramah ini menarik perhatian saya. Dari beberapa sebab ini dapat saya rumuskan ka-dalam tiga pokok besar :

- Pengkajian kesusasteraan Melayu lama ada-lah di-monopoli oleh Orientalis2 Barat yang berminat dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu, dan approach pengkajian mereka itu disesuaikan pula dengan kehendak2 pembacaan orang2 di-negeri mereka masing2.
- Banyak approach yang di-lakukan oleh Orientalis2 itu tidak lagi sesuai dengan kehendak2 negara yang baru merdeka.
- Untuk mensalaraskan dengan perjalanan dan prosis perkembangan sa-buah negara yang baru merdeka, perpustakaan sastera bangsa juga mesti di-pesatkan perkembangan-nya, dan pengkajian tentang-nya mesti-lah di-lakukan sechra sedar sesuai dengan paham kebangsaan masing2.

PRINSIP PENGKAJIAN

Dari tiga pokok besar di-atas jelas-lah bahawa kesusasteraan yang di-hasilkan oleh sa-suatu bangsa itu tidak terlepas dari chita2 dan hasrat bangsa yang menghasilkan sastera itu pada satu zaman yang tertentu. Dan problem2 yang di-timbulkan dalam sastera itu merupakan problem2 yang di-hadapi oleh bangsa pada zaman itu. Sekira-nya kita hendak mengkaji kesusasteraan Melayu lama hakikat per-kaitan antara tujuan bangsa menghasilkan sastera itu sesuai dengan zaman-nya tidak dapat di-abaikan. Andai-nya prinsip pengkajian ini di-lupakan mau tak mau pengkajian itu hanya-lah merupakan satu pengkajian di-dalam gelap gelita, tak tentu hujung pangkal-nya dan langsung tak dapat membayangkan keperibadian bangsa yang menghasilkan sastera itu.

Walau pun di-pertahankan-nya, approach Winstedt dalam pengkajian kebudayaan Melayu, termasuk kesusasteraan-nya, tidak dapat di-amalkan pada zaman kebangkitan faham kebangsaan ini, zaman di-mana kita mau memberi chorak dan warna bangsa itu, mau menunjokkan identiti kita sa-bagai satu bangsa di-antara bangsa2 yang lain. Approach historikal atau sejarah yang di-lakukan oleh Winstedt itu kalau kita amalkan, sangat2 merugikan sastera bangsa kita. Kerana dalam pengkajian Winstedt itu ia selalu menitik-beratkan kepada unsur2 sejarah, tegas-nya unsur2 pengaruh asing yang terdapat dalam sastera Melayu lama, dan sa-olah-olah Winstedt mau berkata bangsa Melayu ti-

oleh Awang Mahmud Bakyr

Kerja mengkaji sa-suatu hasil sastera dan sejarah bukan-lah suatu tugas yang hanya di-buat sambil lewa saja atau hanya sa-kadar mengisi masa lapang.

Tugas ini amat berat kalau kita tinjau dari sudut tanggungjawab terhadap bangsa, terutama sa-kali bangsa Melayu yang tidak sa-chara langsung telah menerima tuduhan sa-bagai suatu bangsa yang tidak mempunyai sastera asli-nya sendiri.

Apakah kita senang saja di-sifatkan sa-bagai suatu bangsa yang tidak mempunyai sastera asli-nya tetapi hanya mempunyai sastera sadoran dari bangsa asing.

Dalam keluaran Pelita Brunei kali ini, kita muatkan satu renchana mengenai chara2 mengkaji sastera lama yang kita rasa sesuai untuk panduan kepada bakal pengkaji2 sastera dan sejarah di-negeri kita ini yang akan dapat menjelaskan kepada mata dunia bahawa Bangsa Melayu tetap sa-bagai satu bangsa yang tidak kurang dengan sastera asli-nya.

Renchana ini merupakan siri cheramah Ruangan Sastera dan Bahasa melalui radio yang telah di-terbitkan baharu2 ini dan di-tulis oleh Awang Mahmud bin Bakyr, Penyunting Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

dak mempunyai sastera asli-nya sendiri hanya-lah sadoran2 dari sastera bangsa asing.

Kita tidak dapat menafikan ujud-nya pengaruh2 asing dalam kesusasteraan Melayu lama. Ditinjau dari sudut sejarah, memang bangsa Melayu itu rapat hubungan-nya dengan kebudayaan bangsa asing terutama kebudayaan Hindu dan Islam. Tetapi herankah kita kalau sastera itu kita sifatkan sa-bagai satu benda yang hidup, ia semesti-nya menerima pengaruh2 asing itu sesuai dengan sifat-nya yang hidup dan menerima? Kerana setiap bentuk sastera yang beku dan tak mau menerima pengaruh2 luar, umur sastera itu tidak lama. Dan lain-lah hal-nya kalau tujuan kita hendak mengkaji kesan2 sejarah, tegas-nya kesan2 pertembungan antara bangsa Melayu dan bangsa asing, approach Winstedt itu dapat juga di-terima.

Approach historikal ini selalu di-gunakan terutama oleh sarjana2 sejarah yang hendak mengkaji pertumbuhan suatu bangsa, kerana bukankah sastera itu dapat mencherminakan pergolakan bangsa dalam satu zaman?

SA-BELUM MENGAJAI

Dalam hal ini supaya kajian kita jangan sampai menempoh jalan buntu, kita semesti-nya mempunyai prinsip2 yang tertentu sa-belum mengkaji sesuatu hasil sastera, baik sastera lama mau pun sastera moden.

Hal ini penting kerana tanpa prinsip2 itu pengkajian kita selalu terbabas ka-daerah yang kabur dan kerap kali ada pertelingkahan pengertian di-dalam-nya. Pada hemat saya prinsip2 yang harus ada pada setiap pengkaji sastera ia-lah:

- Difinisi sastera dan unsur2 yang terdapat di-dalam-nya.

- tujuan pengarang meng-hasilkan sastera itu.

- Sastera itu mesti-lah di-nilai mengikut nilai zaman ia di-lahirkan.

Saya tak bertujuan hendak mengulang raturan difinisi kesusasteraan tetapi chukop-lah jika saya petek difinisi yang di-kemukakan oleh Hudson dan kata-nya:

"Kesusasteraan terdiri dari buku2, dan terbatas hanya kepada buku2 yang pokok pembicharaan-nya menarik kepada manusia umom. Unsur bentuk dan keindahan yang melahirkan "bentuk" menjadi unsur2 yang penting".

SASTERA LISAN

Tetapi dalam bahasa Melayu maseh ada lagi bentuk kesusasteraan yang di-sebut kesusasteraan lisan. Ini menimbulkan kesukaran2 apabila kita hendak membuat satu difinisi.

Selasi membaca satu karya sastera baik prosa mau pun puisi, kita dapat merasakan satu kesatuan yang harmonis. Ini ada-lah di-sebabkan ujud-nya tiga unsur besar yang terdapat dalam sastera, pertama unsur kecherdasan (intelektual), kedua unsur emosi (perasaan), dan ketiga unsur imaginasi (khayal).

Ketiga-tiga unsur ini mesti ujud dalam setiap karya sastera yang baik. Dan hasil sastera yang bermutu tentu pula membawa perutusan dan hasrat besar yang mendorong mengapa pengarang menghasilkan sastera itu.

Kita ambil sebagai chontoh dua buku sastera lama ia-itu Hikayat Hang Tuah dan Shaer Awang Semaun. Oleh kerana Shaer Awang Semaun selakat ini belum lagi di-kaji sunggo2 sechra ilmiah, dalam cheramah ini saya sekadar hendak membuat satu hypothesis saja. Sebelum kita mengkaji kedua-dua buku ini satu soaln mesti di-jawab terlebih dahulu. Soaln itu ia-lah: apakah Hikayat Hang Tuah dan Shaer Awang Semaun itu berchorak sejarah atau sastera? Sebelum di-jawab soaln ini pengertian "sejarah" itu pun harus di-analisa satepat-tepat-nya dulu.

Bagi fahaman sarjana2 Barat, "sejarah" itu di-artikan sa-bagai satu sains (ilmiah) yang menginterpretasikan masa dengan berdasarkan butir2 kenyataan, di-tilek sa-chara terasing (tanpa sentimen penulis) dan di-kaji dengan tujuan memberi yang sebenar-benar-nya untuk pengetahuan manusia.

Dalam penulisan bahasa Melayu lama, pengertian "sejarah" itu semata-mata berkisar pada cherita2 kesultanan Melayu, berpusat pada istana raja2 dan kesah2 yang di-rangkaikan tidak ada pertalian antara satu kesah dengan kesah yang lain. Juga sejarah2 Melayu tidak mementionkan tarikh, dan susunan kronologi sejarah (mengikut susunan tarikh) hanya dapat di-agak mengikut Sultan2 yang di-kesahkan.

Dari pengertian di-atas jelas kepada kita "sejarah" bagi orang2 Barat dan bangsa Melayu sangat berbeza. Tidak heran-lah kepada kita kalau Winstedt yang menitik-beratkan unsur2 sejarah dalam kajian-nya itu menempatkan Hikayat Hang Tuah sa-bagai satu buku dongeng dan tak masuk pada akal. Dan begitu juga ada sa-tengah orang meninjau Shaer Awang Semaun itu dari kacha mata sejarah, dan oleh kerana unsur2 sejarah tidak terdapat di-dalam-nya lantas di-golongkan Shaer Awang Semaun itu ka-dalam Cherita2 Dongeng. Tampak jelas kepada saya kekeliruan pengkajian ini dan untuk memberi hypothesis saya, kita terpaksa berbalak kepada soaln awal2 tadi: apakah Hikayat Hang Tuah dan Shaer Awang Semaun itu buku "sejarah" atau "sastera"?

MANUSIA SEJARAH

Satu perkara jelas kepada kita watak Hang Tuah dan Awang Semaun itu ada-lah manusia sejarah, berdarah daging dan bernafas. Tetapi pada hemat saya Hikayat Hang Tuah dan Shaer Awang Semaun bukan buku sejarah tetapi buku sastera yang lengkap dengan unsur2 sastera yang baik dan bermutu. Tegas-nya dalam kedua-dua buku ini unsur2 sejarah tidak di-pentingkan, dan tujuan utama penulisan-nya semata-mata hendak menghasilkan karya sastera. Apa yang di-lakukan oleh kedua pengarang buku ini ia-lah mengambil manusia sejarah ia-itu Hang Tuah dan Awang Semaun untuk di-jadikan hero2 utama dalam kedua-dua buku ini.

Kalau demikian-lah hal-nya tidak heran-lah kepada kita jika kedua-dua watak sejarah ini di-penohi dan dibungai dengan emosi dan imaginasi kerana seperti yang saya katakan awal2 tadi kedua-dua unsur ini memainkan peranan yang penting dalam setiap karya sastera. Sa-bagai chontoh untuk menunjokkan emosi dan imaginasi memainkan peranan penting dalam kedua-dua buku sastera ini, Hang Tuah di-lukiskan sa-bagai manusia yang luar biasa, "superman". Ia bisa hidup beratus-ratus tahun lama-nya, menjadi duta Sultan Melaka ka-Jawa, negeri China, India, Rome dan pernah juga berhijrah ka-Mekah. Ia handal dalam selok-belok diplomasi, panchak silat, mengator strategi perang hingga-lah kepada soal2 mystic dan ubat guna2.

Walau pun unsur emosi dan imaginasi ini banyak terdapat tetapi Hikayat Hang Tuah ini tersendiri, dan dalam banyak timbunan hikayat2 lama tidak ada yang membawa aliran realisma seperti yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah ini. Pertikaman antara Hang Tuah dan Hang Jebat ada-lah satu chontoh karangan yang objektif (jitu) dan realistik (nyata), dan menunjokkan konflik (pertikaian) antara manusia yang akhir-nya merupakan satu "human tragedy".

(BERSAMBONG)

Peristiwa Isra' Me'raj Menurut Pendapat Orang2 Dahulu Dan Sekarang

Umat Islam seluruh Negeri Brunei akan menyambut Isra' Me'raj pada 21 November ini bagi mengenang kembali peristiwa yang di-tempoh oleh Nabi Mohammad s.a.w. sa-belum baginda me'raj hingga ka-langit yang ke-tujuh dan sa-terus-nya ka-Sidratul Muntaha dan menerima perintah daripada Allah untuk sembahyang lima waktu bagi diri baginda dan umat-nya.

Bersempena dengan sambutan itu dan sa-bagai renungan Umat Islam, maka di-muka ini kita siarkan satu renchana mengenai Isra' Me'raj dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Peristiwa Isra' dan Me'raj telah berlaku pada tahun 621 Masehi bersamaan 4 tahun sa-belum Hijrah, atau pada tahun yang kesembilan daripada Nabi Mohammad s.a.w. di-utus menjadi Nabi dan Rasul.

ISRA': erti-nya perjalanan di-tengah malam. Menurut kesah-nya Nabi Mohammad s.a.w. pada malam 27 Rajab tahun yang kesembilan daripada Nubuwah (di-utus menjadi Nabi), baginda telah di-kunjongi oleh Malaikat Jibril dengan di-sertai sa-ekor Burak. Dengan Burak inilah Nabi Isra' (di-jalankan pada malam hari) dari Masjidil Haram Mekah hingga sampai ka-Masjidil Aqsa di-Baitul Makdis Palestine atau terkenal dengan Jerusalem sekarang ini.

Dalam perjalanan Isra' ini-lah Nabi Mohammad s.a.w. telah diperlihatkan dengan berbagai2 pemandangan ganjil dan luar biasa dan segala pandangan luar biasa itu bila di-tanya oleh Nabi kepada teman-nya (Jibril), Jibril menjawab bahawa segala2 itu ada-lah gambaran daripada segala kejadian atau peristiwa yang telah, yang sedang dan yang akan berlaku.

Umpama-nya di-waktu baginda melihat sa-orang wanita tua tetapi jelita yang badan-nya penoh dengan perhiasan2 emas dan lain2-nya, Jibril mengatakan bahawa itu ada-lah gambaran dari dunia yang telah tua umurnya, tetapi maseh mempunyai pengaruh dan kuasa hingga dapat melekakan manusia. Akan leka-lah manusia bila terpengaruh oleh dunia yang merupakan sa-bagai sa-orang wanita yang telah tua tetapi kejelitaan-nya dan segala barang2 perhiasan-nya maseh dapat menawan dan mempengaruhi manusia yang tidak sedarakan diri.

Pada lain peristiwa, Nabi melihat orang ramai lelaki dan perempuan berebut2 memakan daging2 mentah yang busuk bau-nya, sedangkan di-samping mereka itu ada hidangan daging2 yang telah masak dan lazat rasa-nya tetapi tidak di-pedulikan oleh mereka. Peristiwa tersebut apabila di-tanya oleh Nabi, Jibril menjawab, bahawa itu ada-lah gambaran dari sa-tengah di-antara golongan manusia sama ada lelaki atau perempuan yang suka melakukan perkara2 maksiat yang di-kutuk oleh Tuhan dan di-benci oleh masyarakat.

Ada di-antara lelaki yang telah

beristeri, di-tinggalkan isteri-nya yang halal dan melakukan zina dengan perempuan2 jalang, di-antara wanita2-nya pula ada yang telah mempunyai suami dengan bersembunyi2 tergamak melakukan zina dengan lelaki jalang lain-nya.

Bermacam2 lagi pemandangan yang dapat di-lihat oleh Nabi Mohammad s.a.w. dalam perjalanan-nya (Isra') yang bersejarah itu, yang kesemua-nya ada-lah merupakan gambaran2 atau ramalan2 sa-suatu peristiwa yang telah, yang sedang dan yang akan berlaku kepada umat-nya. Umat Mohammad khas-nya dan umat manusia am-nya, sejak Nabi Allah Adam a.s. hingga-lah ka-hari Kiamat kelak.

Sampai-lah Nabi Mohammad s.a.w. ka-Masjidil Aqsa di-Palestine (Jerusalem), di-dalam masjid itu baginda bersembahyang menjadi Imam kepada para Nabi2 dan para Awlia.

Sa-telah selesai sembahyang, baginda Me'raj, ia-itu di-naikkan ka-langit pertama, kedua dan sa-terus-nya hingga ka-langit yang ketujuh menjumpai para Nabi2 yang telah di-utuskan oleh Tuhan terdahulu daripada baginda, hingga-lah sampai ka-Sidratul Muntaha dan dapat berhadapan ka-hadhrat Allah yang menjadikan segala makhluk-nya, dengan penglihatan yang tiada dapat di-rupakan dengan mata kasar manusia dan tiada terupa dapat di-bayangkan oleh akal dan khayalan manusia.

Pada malam itu-lah Allah Ta'ala mengurniakan anugerah perintah bersembahyang lima waktu dalam sa-hari sa-malam kepada Nabi dan umat-nya. Sa-telah menerima segala perintah itu Nabi di-turunkan lagi hingga sampai ka-Baitul Makdis dan terus di-kembalikan ka-Mesjidil Haram Mekah.

Selaga peristiwa tersebut, apabila di-kesahkan kepada orang ramai, baginda di-ketawakan, terutama oleh Abu Jahal dan orang2-nya yang selama itu choba menghalangi Nabi daripada menyiarkan ugama Islam. Daripada peristiwa ini juga Abu Jahal dan rakan2-nya berpeluang memberi pukulan hebat kepada Nabi serta pengikut2 baginda. Kerana pada masa itu perjalanan dari Mekah ka-Palestine (Jerusalem) hanya dapat di-lakukan biasa-nya dengan mengenderai unta, dan memakan masa sabulan pergi dan sa-bulan balek.

Peristiwa Isra' dan Me'raj yang belaku hanya satu malam itu, ada-lah

suatu perkara yang mustahil boleh di-lakukan pada pendapat orang2 zaman dahulu, yang menyebabkan orang2, terutama Abu Jahal dan rakan2-nya semakin tidak perchaya kepada da'waan Nabi bahawa ia sa-orang Nabi dan Rasul Akhir Zaman.

Tetapi sa-balek-nya perkara luar biasa seperti itu menambahkan tegoh-nya iman dan keperchayaan pengikut Nabi Mohammad s.a.w. terutama oleh sahabat Nabi Abu Bakar Al-Siddik, hingga ia di-gelar "Al-Siddik" erti-nya "Orang yang paling perchaya".

Para sahabat dan pengikut2 Nabi Mohammad s.a.w. semakin tegoh iman-nya apabila mereka yang pernah dan sudah selalu berulang alek dari Mekah ka-Palestine mendengar bahawa segala yang di-sifatkan oleh Nabi mengenai Masjidil Aqsa di-Baitul Makdis itu betul2 seperti yang telah di-lihat oleh mereka. Pada orang2 yang beriman memperchayai peristiwa Isra' dan Me'raj itu di-anggap oleh mereka sa-bagai suatu mu'jizat atau perkara luar biasa anugerah agong Tuhan yang maha kuasa.

KESAN2 DARIPADA ISRA' — ME'RAJ

Ada-nya alat2 moden, hingga bermacham2 kemudahan di-chipta oleh manusia dengan perantaraan ilmu sains, ada-lah menambah tegoh-nya iman sa-orang yang berugama kepada maha kuasa-nya Allah, Tuhan yang menjadikan segala2 di-alam sa-masta ini.

Kalau pada zaman berlaku-nya Isra' dan Me'raj itu perjalanan di-antara Mekah ka-Jerusalem memakan masa sa-bulan pergi dan sabulan balek, tetapi pada zaman serba moden sekarang ini, tidak-lah menjadi suatu perkara mustahil lagi kalau perjalanan sa-jauh itu dapat di-lakukan dengan memakan masa tidak sampai sa-hari dengan kapal terbang. Malahan perjalanan dari Jerusalem ka-Kuala Lumpur dapat di-lakukan

dalam masa sa-hari sahaja. Dan ini bukan hanya boleh di-lakukan khas oleh raja2 atau orang2 ternama sahaja, bahkan sebarang orang yang mempunyai kemampuan, boleh melakukan naik Haji dengan kapal terbang dalam sa-hari pergi dan sa-hari balek.

Menurut Jadwal Penerbangan Haji yang akan di-lakukan pada tahun 1966, jama'ah Haji yang berkesempatan melakukan Haji dengan menaik kapal terbang, mereka akan bertolak dari Kuala Lumpur atau Singapura pada 22/3/66 dan akan sampai ka-Jiddah pada 23/3/66 dan sa-telah melakukan fardhu Haji, mereka akan di-bawa melawat ka-Palestine (Jerusalem) pada 17/4/66 dan akan sampai ka-Jerusalem pada hari itu juga dan pada sa-belah petang-nya akan terus bertolak dari Jerusalem ka-Kuala Lumpur dan sampai ka-Kuala Lumpur atau Singapura pada 18/4/66.

Selaga2 itu ada-lah mendekatkan kepada pendapat2 kita di-zaman sekarang ini, kalau perjalanan2 yang dahulu-nya hanya boleh di-lakukan dengan memakan masa berbulan2 atau bertahun2, tetapi sekarang ini boleh di-lakukan dalam masa sa-hari atau dalam masa beberapa jam sahaja.

Kalau dengan alat2 moden chiptaan manusia, manusia boleh melakukan perjalanan2 jauh dalam beberapa ketika, maka Maha Kuasa Tuhan yang menjadikan alam sa-masta, tentu boleh melakukan apa sahaja kehendak-nya kepada hamba-nya dalam beberapa ketika.

Ada-nya alat2 radio dan television, dapat kita melihat dan mendengar orang bercakap, dapat kita melihat gambar2 di-kota2 atau negeri2 yang pernah kita sampai atau negeri2 yang belum pernah kita kunjongi. Kalau dengan alat2 moden chiptaan manusia dapat kita lihat perkara yang mustahil boleh di-lakukan oleh orang2 di-zaman dahulu, maka Maha Kuasa Tuhan yang menjadikan segala makhluk-nya, tentu ia boleh juga melakukan segala kehendak-nya biar pun dengan tidak ada apa2 perantaraan.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Seramai 63 orang peserta2 lelaki dan perempuan akan mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran, Peringkat Daerah Brunei dan Muara. Mereka ada-lah mengandungi 36 orang peser-

ta2 lelaki dan 27 orang peserta2 perempuan.

Peraduan Bachaan Al-Koran tersebut akan di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Ahad 21 November dan pada hari Ithnin 22 November mulai jam 8 pagi tiap2 hari.

Empat orang peserta2 lelaki dan begitu juga empat orang peserta2 perempuan yang berjaya dalam peraduan tersebut akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang akan di-langsungkan dalam bulan hadapan.

PEMBUKAAN RASMI PERSATUAN KEBAJIKAN M.S.M.

BANDAR BRUNEI. — Penolong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang akan merasmikan penubuhan Persatuan Kebajikan Melayu sa-Malaysia di-Brunei.

Majlis itu akan di-adakan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pukul 8.30 pagi hari Ahad 21 November, 1965.



TUTONG. — Ramai peserta2 lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di pekarnangan Masjid Pekan Tutong pada 11 November, 1965. Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Johari bin Kamis dari Kampong Penapar. Naib Johan — Awang Mohamed Yusof bin Abdullah dari Pekan Tutong.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Rubiah binti

Haji Md. Jawi dari Layong. Naib Johan — Dayang Mastura binti Abidin dari Pekan Tutong. Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan tersebut.

* Dalam gambar ini kelihatan Dayang Rubiah dan Dayang Mastura yang telah berjaya dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Tutong pada 11 November, 1965

DUNIA HARI INI

RAMPASAN KEMERDEKAAN DI-RHODESIA

Dalam bulan Oktober yang lalu, pernah ruangan renchana ini menggambarkan perkembangan yang berlaku di-Rhodesia, wilayah jajahan ta'lok British yang sekarang menjadi tumpuan mata dunia, setelah kemerdekaan sechara UDI atau "Unilateral Declaration of Independence" yang bermula Mengishtiharkan Kemerdekaan Sechra Bersendirian itu, di-lakukan oleh Ian Smith, pada hari Khamis 11 November.

Kemerdekaan sechra UDI yang di-katakan tidak sah oleh Britain dan kebanyakan kuasa di-dunia, terutama sekali di-benua Afrika sendiri itu, sudah pun di-ishtiharkan oleh cabinet Ian Smith, walau pun Britain dan kebanyakan negara memberikan amaran, dan melahirkan rasa bimbang terhadap sesuatu yang mungkin timbul, akibat dari keputusan mengishtiharkan kemerdekaan sechra haram itu.

Ramalan mengishtiharkan kemerdekaan UDI sekarang terbukti, dan sesuatu kemungkin yang timbul, sudah pun mulai dirasakan oleh Rhodesia, dari sejak 11 November yang lalu.

Ini adalah berikutan perundingan2 yang hampir2 kesemuanya menemui jalan buntu antara kerajaan Perdana Menteri Harold Wilson dengan Ian Smith, dan tekad cabinet Ian Smith jelas tidak berubah sedikit pun selain dari merampas kemerdekaan dari Britain.

TANDA TANYA

Memandang akan peristiwa yang berlaku di-Rhodesia itu, moleklah di-ketahui sedikit tentang bayangan dan ulasan akhbar2 asing, yang selama ini meletakkan minat yang mendalam akan soal krisis Rhodesia.

Setengah2 akhbar membayangkan, bahawa kemerdekaan sechra UDI oleh cabinet Ian Smith itu, sekarang menghadapi hanya satu tanda tanya yang besar, sama ada ia-nya dapat terlepas, dan di-laksanakan seperti kehendak Ian Smith dan anggota Jama'ah menteri-nya.

Ulasan2 membayangkan, jika kerajaan Ian Smith yang mengishtiharkan kemerdekaan di-satu pihak itu dapat bergerak, dan jika kerajaan Harold Wilson tidak membuat paksaan untuk mengubah sikap Ian Smith itu, maka banyak lagi perkembangan2 yang tidak di-ingini akan terlihat dalam perkara itu, ini adalah merupakan lebeh burok lagi dari apa yang ternyata hari ini.

Menurut akhbar2 tadi, soal Ian Smith dan penyokong2-nya sebagai penderhaka itu, tidaklah begitu penting di-besar2kan, tetapi apa yang benar2 menjadi soal besar ia-lah tindakan mereka chuba mengekalkan pe-

oleh
Hanafi Joffri



Perdana Menteri Rhodesia Tuan Ian Smith yang mengishtiharkan kemerdekaan sechra U.D.I.

na'lokkan-nya ke-atas orang2 Afrika di-Rhodesia, yang mempunyai 4 juta bilangan majority.

PENINDASAN

Kata-nya, jika gerakkan Ian Smith itu berjaya, maka bahaya penindasan yang lebeh burok, akan menjadi ancaman kepada orang2 Afrika di-wilayah itu. Akan hal itu, maka perasaan kesal dan tindakan kekerasan mungkin timbul tidak lama lagi, dari negara2 luar.

Di-sini dapat di-gambarkan dari laporan2 bahru2 ini, bahawa ra'ayat Afrika di-Rhodesia, telah di-arahkan dari negara2 tetangga yang bersympaty supaya bangun menentang pemerintahan Ian Smith, dengan menggunakan apa jua bentuk senjata yang ada pada mereka.

Minggu dulu, akhbar2 itu menyatakan, keadaan dan suasana tidak berubah kemungkinan orang2 Afrika dan golongan kulit puteh dapat mempelajari cara hidup bersama, dan harapan juga amatlah tipis untuk kedua2 kaum itu hidup sechra berharmony. Kata-nya, sedangkan sebelum UDI kedudokkan tegang, apatah lagi setelah Ian Smith melancarkan UDI, dan seterusnya jika Ian Smith berjaya kekal. Tentu-nya harapan berbaik2 sama sekali akan lenyap, dan ini bukan hanya akan merosakkan Rhodesia, tetapi segenap lapisan kaum Afrika di-benua itu akan terus menentang pemerintahan Ian Smith.

RHODESIA

Wilayah Rhodesia seluas 150,333 batu persegi itu terletak di-

Afrika Tengah, di-apit sebelah Selatan oleh Afrika Selatan, di-sebelah Utara oleh Zambia, bekas Rhodesia Utara, di-sebelah Timur oleh Portuguese Mozambique dan oleh Bechuanaland, wilayah di-bawah perlindungan British di-sabelah Barat.

Penduduk2-nya, hampir2 4.3 juta orang meliputi kira2 empat juta ra'ayat Afrika dan 225,000 orang Eropah. Sementara di-Salisbury, Ibu Negara Rhodesia itu sendiri mempunyai penduduk seramai 300,000 orang.

Rhodesia pada satu waktu di-sebut Rhodesia Selatan, yaitu se-bahagian daripada wilayah Persekutuan Rhodesia dan Nyasaland, yang di-bubarkan pada 31 Disember tahun 1963. Dua bahagian lain-nya kemudian menchapai taraf kemerdekaan menjadikan negara Zambia dan Malawi, sementara Rhodesia tetap menjadi jajahan ta'lok British, taraf pemerintahan sendiri.

Di-Rhodesia, hasil pertanian yang utama ia-lah jagung, tembakau, teh dan ternakkan lembu kerana hasil susu-nya. Sementara hasil2 utama untuk di-exportkan meliputi tembaga, tembakau, asbestos dan teh, bahan2 krom, zeng, daging dalam tin, besi, gula, kachang tanah dan jagong.

SEKATAN

Menurut ulasan2 tadi, in-lah hasil utama Rhodesia yang akan di-pesatkan, memandang kepada ancaman sekatan2 economic, oleh Britain dan kebanyakan negara2 di-dunia.

Di-Rhodesia sendiri sekarang, chatuan sudah pun di-mulakan, terutama sekali bekalan minyak, dan in-lah salah satu langkah yang di-buat, sebagai menghadapi sekatan2 economic yang sudah terbayang di-lancarkan oleh setengah2 kuasa ke-atas kerajaan Salisbury.

Sekarang yang menjadi satu lagi soal, adakah kerajaan Ian Smith benar2 mementingkan kemerdekaan atau kema'moran untuk ra'ayat di-Rhodesia. Tetapi jika di-pandang dari sikap dan tekad cabinet Ian Smith, kemerdekaan sechra UDI itu-lah yang menjadi pegangan utama kepada dasar kerajaan-nya.

TINDAKKAN

Untuk mengembalikan kedudokkan sediakala, dan memberikan hak kepada golongan majority orang2 Afrika maka Britain, menurut akhbar2 itu, patutlah menghancurkan penderhakaan Ian Smith, tetapi nampaknya belum lagi ada ketentuan yang British sedia menggunakan kekerasan.

Ini juga dapat di-telek dari keputusan Britain bahru2 ini, bahawa ia-nya tidak mungkin menggunakan tentera untuk melenyapkan kekuasaan Ian Smith, tetapi berikrar akan memberikan bantuan seponoh untuk menulehkan undang2 dan ketenteraman, jika ini di-perlukan oleh Governor di-Salisbury, yang telah membubarkan cabinet Rhodesia.

Sementara itu, di-samping kechaman dan langkah tidak setuju oleh kebanyakan negara, tidak kurang pula ada-nya dua tiga buah kuasa yang berdiri di-samping Ian Smith, satu daripada-nya Rhodesia



Perdana Menteri British Tuan Harold Wilson yang mensifatkan kerajaan Salisbury sebagai kerajaan penderhaka.

Selatan pimpinan Dr. Hendrik Verwoerd.

Dr. Verwoerd dalam kenyataannya, telah melahirkan keazaman akan terus membuat perhubungan dengan Salisbury, dan ia-nya mengecam Britain kerana-menarik Majlis Keselamatan Bangsa2 Bersatu bersidang supaya mengutuk Rhodesia.

Dr. Verwoerd berpendapat, kegentingan di-Rhodesia itu ada-lah masalah dalam negeri antara London dengan Salisbury, dan kaitan-nya dengan Pertubuhan Sedunia.

Ketegasan Dr. Verwoerd itu telah di-buat, sejurus sebelum Majlis Keselamatan mengutuk kemerdekaan Ian Smith, yang di-sifatkan sebagai sabuah kerajaan penderhaka.

Nyata sekarang, kebanyakan dari negara2 di-dunia menentang Ian Smith dan tidak bersedia untuk mengiktiraf kemerdekaan yang di-ishtiharkan sechra UDI itu, memandang kepada keputusan Majlis Keselamatan yang di-buat bahru2 ini.

Di-London dewan parlemen British di-jadualkan sudah pun membahaskan satu rang yang di-terbitkan pada hari Juma'at, sehari selepas UDI di-buat oleh kerajaan Salisbury.

Rang ini jika di-luluskan akan memberikan lebeh lagi kuasa kepada kerajaan British untuk membuat perhitungan terhadap kedudokkan Rhodesia.

Bagaimanapun, dari peristiwa yang berlaku di-Rhodesia, kita telah melihat berbagai tindakan telah diambil oleh segenap lapisan kuasa yang terlibat dalam memberikan ikrrar ke-atas Rhodesia, begitu juga Rhodesia ke-atas setengah2 negara yang menentang-nya. Dan sama ada Rhodesia sekarang benar2 terpenchil dapatlah di-telek dari keputusan yang di-buat oleh negara2 yang menentang-nya.

Akhir sekali menurut ulasan akhbar2 itu tadi, walau pun Britain sekarang telah mencari jalan melalui Bangsa2 Bersatu, dan perutusan-nya juga telah di-hantarkan perkembangan yang akan berlaku terbit dari pengishtiharan UDI, dan sejauh manakah daya usaha yang dapat di-gunakan untuk mengembalikan keamanan di-Rhodesia, berdasarkan kepada satu keputusan yang dapat di-persetujui oleh semua pihak, terutama sekali kepada Britain, golongan kulit puteh dan bilangan majority kulit hitam di-Rhodesia.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*

KERJA KERJA KOSONG DAN TAWARAN TAWARAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pegawai Pergigian dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei, (3 jawatan kosong).

Kelayakan2:—

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut:

- (i) L.D.S./D.D.S. (Singapura) atau
- (ii) B.D.S. (Malaya) atau
- (iii) Sebarang degree, diploma atau lesen yang di-akui untuk membolehkan-nya di-daftarkan oleh Majlis Pelajaran Perubatan Awam, dan Pendaftaran di-United Kingdom.

Pengalaman:

Chalon2 d-kehendaki mempunyai pengalaman selama beberapa tahun. Pengalaman dalam bidang Perkhidmatan Gigi Sekolah adalah sangat berguna. Butir2 pekerjaan selepas mendapat ijazah hendak-lah di-nyatakan dalam permohonan.

Tugas2:

Tugas2 meliputi lawatan ka-Sekolah2, rumah sakit dan perkhidmatan klinik2 gigi mobil.

Gaji:

Dalam sukatan \$1020 x 40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sechra berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dll. boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 30 November, 1965.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrek2 kelas "A" sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalatha 23 November, 1965 bagi:

MEMBINA DUA BUAH, 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MALABAU, BANDAR BRUNEI.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sebanyak \$500.00 (Lima Ratus Ringgit sahaja).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ke-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBINA DUA BUAH, 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MALABAU, BANDAR BRUNEI", dan alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 tahun dan tidak lebeh dari 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

(c) Pemohon2 yang tahu membaiki kerosakan2 kereta atau jentera kereta akan di-beri keutamaan.

(d) Mempunyai kesanggupan atau menurut perintah apabila di-tugaskan pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.5-6 = \$180 x 4 - 200.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Disember, 1965.

KENYATAAN KASTAM

Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei telah menetapkan, bagi tujuan mengenakan cukai2 harga barang2 yang di-sebutkan di-bawah ini mulai dari dan termasuk 15 November, 1965:

Lada Puteh sa-pikul \$209.00.
Lada Hitam sa-pikul \$140.80.

KETUA PEMBANTU TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan sebagai Ketua Pembantu Teknik dalam Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2 Persekolahan:

Lulus Form IV Inggeris atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.

Kelayakan2 Teknik:

Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "Ordinary National Certificate" atau yang sebanding dengan-nya; "City and Guilds Final Certificate" dalam Tele-

communications Engineering".

Kelulusan yang sama dengan perkara itu atau siji2 yang menunjukkan bahawa chalon2 telah menamatkan Kursus "Telecommunication Engineering" selama dua tahun dengan memuaskan akan di-pertimbangkan.

Selain dari kelayakan teknikal chalon2 hendak-lah mempunyai pengalaman praktikal dalam "Telecommunications Engineering" selama 6 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$850 x 30 - 1060 - 1100 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Kontrek selama 3 tahun termasuklah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam percubahan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Disember, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 November hingga ka-hari Selasa 23 November, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari							Matahari
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
17	12-11	3-29	6-08	7-23	4-36	4-51	6-08
18	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-09
19	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-09
20	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-09
21	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-09
22	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-09
23	12-12	3-30	6-08	7-23	4-38	4-53	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

MEMBEKAL DAN MEMBINA DI-BANDAR BRUNEI DUA-BELAS (12) BUAH PONDOK TALIPON YANG TERDAHULU DI-RANGKA.

Tawaran2 yang di-terima sudah waktu itu akan di-tolak.

Tawaran2 mesti-lah di-hantar di-dalam sampol surat yang bertutup di-alamatkan kepada "Pengurus, Lembaga Tawaran, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Brunei, Brunei" dan bertanda dengan terang "Tawaran Pondok Talipon".

Bayaran chengkeram ia-lah \$100. (Sa-ratus ringgit). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada Penawar2 yang tidak berjaya sahaja.

Peta dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Pengawal Talikom Negara, Brunei, masa kerja.

Perlawanan Bola Sepak Sekolah2 Dan Maktab2

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan bola sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei, Peringkat lawanan itu ada-lah untuk merebut hadiah rebutan minggu ini. Per-Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Muhammad Alam.

Perisai itu dipegang oleh Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dalam tahun 1964.

Pasokan2 yang mengambil bahagian ia-lah 1. Maktab Anthony Abell; 2. Sekolah St. Micheal; 3. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin; 4. Sekolah St. Andrew's; 5. Maktab S.O.A.S.; 6. Sekolah St. George's; 7. Sekolah Melayu S.M.J.A. dan 8. Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Perlawanan2 yang telah dijalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:-

(A) BAHAGIAN BRUNEI I

8 November, 1965. Tiga perlawanan di-jalankan serempak bertempat di-padang SMJA Bandar Brunei. Pasokan2 yang bermain ia-lah:-

(i) **Pasokan Kumpulan "A"** antara Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim dengan Pasokan Maktab SOAS. Keputusan-nya Pasokan Maktab SOAS menang dengan 6 gol tidak berbalas.

(ii) **Pasokan Kumpulan "A"** antara pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai dengan Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun. Keputusan-nya perlawanan itu seri dengan tiada beroleh gol antara kedua pehak.

(iii) **Pasokan Kumpulan "B"** antara pasokan Sekolah Melayu SMJA dengan Pasokan St. Andrew's. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu SMJA menang dengan 3 gol berbalas 1 gol.

Maka dengan keputusan2 perlawanan itu selesai-lah perlawanan bola sepak antara sekolah2 dan Maktab2 bahagian Bandar Brunei.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:-

PASOKAN KUMPULAN "B"

Johan: Sekolah Melayu S.M.J.A. Naib Johan: Maktab S.O.A.S. Ketiga: Sekolah St. Andrew's. Keempat: Sekolah Melayu Lela Menchanai.

Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menjadi wakil Sekolah2 dan Maktab2 Bahagian Bandar Brunei untuk memasuki ka-perlawanan Peringkat Negeri.

PASOKAN KUMPULAN "A"

Johan: Maktab S.O.A.S. 11 mata. Naib Johan: Sekolah Melayu S.M.J.A. 10 mata. Ketiga: Sekolah St. Andrew's 7 mata. Keempat: Sekolah Melayu Lela Menchanai 7 mata. Kelima: Sekolah Melayu P. Malim 4 mata. Keenam: Sekolah Melayu Sg. Kebun 3 mata. Ketujuh: Sekolah St. George's 0.

Pasokan Maktab S.O.A.S. menjadi wakil sekolah2 dan Maktab2 Bahagian Bandar Brunei memasuki ka-perlawanan Peringkat Negeri.

PERLAWANAN PERINGKAT NEGERI

i) **11 November, 1965:** Perlawanan Suku akhir Pasokan Kumpulan "A" antara Johan Temburong. Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi dengan Johan Brunei II. Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching, bertempat di-padang Batu Apoi. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching menang dengan 3 gol berbalas 2 gol.

ii) **12 November, 1965:** Perlawanan sa-tengah akhir Pasokan Kumpulan "B" antara Johan Belait. Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dengan Johan Brunei I. Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A., bertempat di-padang S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menang dengan 4 gol tidak berbalas.

iii) **14 November, 1965:** Perlawanan sa-tengah akhir Pasokan Kumpulan "A" antara Johan Brunei I. Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan Johan Belait. Pasokan Maktab Anthony Abell. Serai bertempat di-Padang S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan 2 gol tidak berbalas.

PERINGKAT MAKTAB DAN SEKOLAH MENENGAH

13 November, 1965: Perlawanan antara Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan Pasokan Sekolah Menengah S.M.J.A., bertempat di-padang S.M.J.A., keputusan-nya Pasokan S.O.A.S. menang dengan 3 gol berbalas 1 gol. Perlawanan2 yang akan di-jalankan pada minggu ini ada-lah seperti berikut:-

PERLAWANAN PERINGKAT NEGERI

Pada hari ini: Perlawanan sa-tengah akhir Pasokan Kumpulan "B" antara Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Sinaut dengan Johan Temburong atau Johan Brunei II, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Permainan di-mulakan jam 4.30 petang.

18 November, 1965: Perlawanan sa-tengah akhir Pasokan Kumpulan "A" antara Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dengan Johan Brunei II. Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching, bertempat di-

oleh **Awang Md. Hussain Zainal**

padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Permainan di-mulakan jam 4.30 petang.


19 November, 1965: Perlawanan Peringkat akhir Pasokan Kumpulan "B" antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. dengan Johan Brunei II/Johan Temburong atau Johan Tutong, bertempat di-padang S.M.J.A. Permainan di-mulakan jam 4.30 petang.

21 November, 1965: Perlawanan

Peringkat akhir Pasokan Kumpulan "A" antara Johan Brunei I, Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan Johan Brunei II atau Johan Tutong, bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Permainan di-mulakan jam 4.30 petang.

PERINGKAT MAKTAB DAN SEKOLAH2 MENENGAH:

20 November, 1965: Perlawanan sa-tengah akhir antara Pasokan Sekolah St. Micheal dengan Pasokan Maktab Anthony Abell atau Pasokan Sekolah Melayu S.M.A.T., bertempat di-padang Anthony Abell atau Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Permainan di-mulakan jam 4.30 petang.



Sekolah Melayu Sungai Hanching telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkurong dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak Kumpulan "A" antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei. Dua (Murid2 kechil) dengan satu gol tidak berbalas bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal Alam pada 3 November, 1965. Sekolah Melayu Sengkurong telah menjadi Naib Johan dalam perlawanan itu. Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Piala Perak Kejohanan kepada sa-orang wakil Sekolah Melayu Sungai Hanching.

PERLUMBAAN KERETA GO-KART BERJAYA

BERAKAS. — Perlumbaan kereta Go Kart sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-adakan di-kawasan Askar Melaya Diraja Brunei di-Berakas Kem pada hari Ahad 14 November, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchenar Duli ka-temasha tersebut dan juga menyampaikan hadiah2 kepada pelumba2 yang berjaya.

Piala Perak yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia untuk pemenang perlumbaan selama satu jam telah di-menangi

oleh Irahim Ahmad dan S. Chalvien kedua2-nya dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Mereka juga telah menerima hadiah Pingat yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan wang tunai sa-banyak \$100 sa-orang.

Piala Perak yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell untuk naib johan perlumbaan tersebut telah di-menangi oleh Tong Yong Fook dan M.A. Rahman, mereka juga dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Pemenang2 tersebut telah juga di-hadiahkan Pingat yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan wang tunai sa-banyak \$75 sa-orang.

Pemenang2 perlumbaan 10 kali keliling kawasan perlumbaan ia-lah: Pertama — Ibrahim Ahmad. Kedua — Tong Yong Fook. Major S. Buterell dari Askar Melayu Diraja Brunei telah mendapat gelaran yang ketiga.

Piala Mobil untuk pelumba yang menunjukkan chara perlumbaan yang terbaik sekali telah di-menangi oleh Bob Stow dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Di-antara ramai para hadirin di-temasha perlumbaan itu ia-lah Pesuruhjaya Tinggi British, Yang Terutama Awang F.D. Webber, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.



Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Piala Perak kepada Johan Peraduan Bachuan Al-Koran Daerah Temburong, Bahagian Lelaki, Awang Ahmad bin Tengah sa-lepas tamat peraduan itu di-Bangar pada 6 November, 1965.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan sa-

bilangan daripada peserta2 Pasokan Tarek Kalat Istana Derul Hana kelihatan dalam gambar ini sa-

lepas pasokan itu berjaya dalam Perlawanan Tarek Kalat di-Tutong pada petang hari Khamis 11 Nov.

Sambutan Isra' dan Me'raj Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sambutan Isra' dan Me'raj anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei, pada 20 November, 1965 jam 7.30 malam (malam Ahad). Di-antara acara2 yang akan di-persembahkan ia-lah Pemilihan Akhir Peraduan Membaca Sajak di-antara Persatuan2 dan Badan Kesusastraan dan Kesenian dari seluruh Negeri Brunei.

Ahli2 persatuan2 dan orang2 ramai ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan acara2 Sambutan ini. Selain dari peraduan membaca Sajak, juga akan di-persembahkan sa - buah Tablo yang berunsor keugamaan, serta sharahan2 khas mengenai Isra' dan Me'raj.

Di-Tasek Meradun

KAMPONG TASEK MERADUN. — Satu Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj akan di-adakan di-Surau Kampung Tasek Meradun, Batu 6, Jalan Tutong, Brunei pada jam 2 petang, hari Ahad 21 November, 1965.

MENGHADHIRI PERKHEMAHAN PENGAKAP2 DI-BANGKOK



SEMINAR BELIA SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pemuda Pemudi Sa-Negeri Brunei telah membuat satu ketetapan untuk memberikan kerjasama yang erat bagi menjayakan sa-barang langkah Kerajaan dalam segala lapangan, terutama sa-kali dalam bidang meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri ini.

Ketetapan ini telah di-ambil dalam mashuarat penoh majlis itu yang telah bersidang di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jemalul Alam, Bandar Brunei

pada 12 November yang lalu.

Mashuarat penoh itu juga telah mencapai satu persetujuan sa-bulat suara bagi mengadakan Seminar Belia Yang Ke-2 dan sa-buah jawatankuasa penyelenggara telah di-bentuk.

Seminar yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi itu, pada keseluruhannya akan membina-

changkan mengenai Peranan Belia antara Bangsa dan ada-lah di-jangkakan seluruh persatuan2 belia di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam seminar tersebut.

Seminar Belia yang pertama telah di-adakan di-Maktab Anthony Abell Seria dalam tahun 1964.

Gambar atas menunjukkan sa-bilangan dari Guru2 Pengakap dan Pengakap2 dari Negeri Brunei yang akan menghadhiri Perkhemahan Pengakap Sa-Asia di-Bangkok dalam bulan hadapan. Mereka di-jadualkan belayar ka-Singapura melalui Labuan pada 27 November dalam perjalanan ka-Bangkok.

Gambar ramai pemuda2 dan pemudi2 yang hadir di-Mashuarat Penoh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei pada hari Juma'at yang lalu.

D.Y.M.M. MELAWAT KEM A.M.D.B.

(Dari Muka 1)

Di-sekitar lawatan baginda itu, baginda telah di-perlihatkan peralatan yang di-gunakan oleh Askar Melayu Diraja Brunei termasuk senjata2 dan jentera2 yang di-gunakan oleh pasokan itu.

Baginda juga telah menyaksikan bagaimana senjata2 itu di-gunakan dan baginda sendiri ikut serta menggunakan senjata2 tersebut.

Baginda juga menyaksikan rekrut2 sedang menjalani latihan.

